جابتن حال احوال اكام إسلام ڤولاو ڤينڠ
JABATAN HAL EHWAL AGAMA ISLAM PULAU PINANG
LEBUH PANTAI
10300 PULAU PINANG

Tel : 04-684 7000
Faks : 04-684 7777
Laman Web : http://jaipp.penang.gov.my

Ruj.Kami : JHEAIPP.D.700-1/1/3 Jld.8 (138)
Tarikh : 18 Rabiulakhir 1448H
30 September 2026M

Seperti Senarai Edaran

YBhg. Dato'/YBrs. Prof. Madya/Dr./Tuan,

**PEMAKLUMAN KEPUTUSAN PERMOHONAN TAULIAH MENGAJAR AGAMA ISLAM NEGERI PULAU PINANG**

Dengan segala hormatnya saya menarik perhatian YBhg. Dato'/YBrs. Prof. Madya/Dr./Tuan mengenai perkara tersebut di atas.

2. Sukacita dimaklumkan bahawa Mesyuarat Majlis Agama Islam Negeri Pulau Pinang Bilangan 9 Tahun 2026 (Kali ke-283) bertarikh 17 September 2026 telah bersetuju dan meluluskan permohonan tauliah mengajar agama Islam negeri Pulau Pinang YBrs. Prof. Madya/Dr. dengan pengecualian *normal track*.

3. Selaras dengan peruntukan di bawah Peraturan-Peraturan Pentadbiran Aktiviti Yang Berkaitan Dengan Pengajaran Agama Islam (Negeri Pulau Pinang) 2025 yang sedang berkuat kuasa, hanya individu yang telah diberikan tauliah mengajar agama dan tauliah berkhutbah yang sah oleh Majlis Agama Islam Negeri Pulau Pinang (MAINPP) sahaja dibenarkan menyampaikan ceramah/kuliah agama dan khutbah di mana-mana masjid dalam negeri ini.

4. Seksyen 119 (1). Enakmen Pentadbiran Agama Islam (Negeri Pulau Pinang) 2004 (Pindaan) 2023 menyatakan bahawa

> "Mana-mana orang yang mengajar agama Islam atau apa-apa aspek tentang agama Islam tanpa tauliah yang diberikan di bawah seksyen 118 adalah melakukan suatu kesalahan dan apabila disabitkan boleh didenda tidak melebihi lima ribu ringgit atau dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi tiga tahun atau kedua-duanya."

5. Peraturan 28 - Peraturan-Peraturan Pentadbiran Aktiviti Yang Berkaitan Dengan Pengajaran Agama Islam (Negeri Pulau Pinang) 2025 menyatakan bahawa

> "Tiap-tiap pengajar yang telah diberikan Sijil Tauliah Mengajar dan Kad Perakuan Tauliah Mengajar di bawah subperaturan 27(1) hendaklah, dalam melaksanakan tugasnya, tertakluk kepada syarat yang berikut:

Ruj.Kami : JHEAIPP.D.700-1/1/3 Jld.8 (138)
Tarikh : 18 Rabiulakhir 1448H
30 September 2026M

**PEMAKLUMAN KEPUTUSAN PERMOHONAN PEMBAHARUAN TAULIAH MENGAJAR AGAMA ISLAM NEGERI PULAU PINANG**

(a) tidak berkelakuan dengan cara yang boleh mencemarkan agama Islam;

(b) tidak disabitkan atas suatu kesalahan jenayah oleh mana-mana mahkamah di Malaysia;

(c) tidak mengajar dan menyebarkan apa-apa ajaran yang bertentangan dengan pegangan Ahli Sunnah Wal Jamaah;

(d) tidak menyentuh apa-apa perkara yang berhubungan dengan kemuliaan, kedaulatan dan kuasa Yang di-Pertuan Agong dan mana-mana Raja sebagai Ketua Agama Islam sesuatu negeri;

(e) tidak menyinggung perasaan mana-mana kaum, agama, adat resam dan budaya penduduk tempatan yang boleh membawa ketegangan;

(f) tidak menghina atau memperlekehkan perkara khilafiah yang terdapat dalam Hukum Syarak;

(g) tidak menyentuh isu politik kepartian;

(h) tidak menyentuh secara langsung hal peribadi mana-mana individu;

(i) tidak menghina mana-mana pihak berkuasa agama;

(j) tidak mengambil kesempatan untuk mempromosikan apa-apa perkara bagi kepentingan diri, kumpulan atau pertubuhan tertentu;

(k) mematuhi apa-apa peraturan yang dikenakan oleh pihak berkuasa agama dari semasa ke semasa; dan

(l) mematuhi syarat lain yang ditentukan oleh Jawatankuasa dari semasa ke semasa.

**6. Peraturan 29.(1) dan (5) - Peraturan-Peraturan Pentadbiran Aktiviti Yang Berkaitan Dengan Pengajaran Agama Islam (Negeri Pulau Pinang) 2025 menyatakan bahawa**

Ruj.Kami : JHEAIPP.D.700-1/1/3 Jld.8 (38)
Tarikh : 18 Rabiulakhir 1448H
30 September 2026M

**PEMAKLUMAN KEPUTUSAN PERMOHONAN PEMBAHARUAN TAULIAH MENGAJAR AGAMA ISLAM NEGERI PULAU PINANG**

> **"Mana-mana pemegang tauliah hendaklah mengemukakan permohonan kepada Jawatankuasa untuk memperbaharui tauliah selewat-lewatnya tiga bulan sebelum tamat tempoh tauliah tersebut"**
>
> **dan**
>
> **"Mana-mana pemegang tauliah yang gagal membuat permohonan pembaharuan dalam tempoh yang ditetapkan hendaklah dikeluarkan daripada Daftar Tauliah Mengajar."**

7. Peraturan 31 (1) - Peraturan-Peraturan Pentadbiran Aktiviti Yang Berkaitan Dengan Pengajaran Agama Islam (Negeri Pulau Pinang) 2025 menyatakan bahaw

> "Jawatankuasa boleh menggantung atau menarik balik sesuatu tauliah yang telah dikeluarkan kepada seseorang pemegang tauliah, jika Jawatankuasa mendapati pemegang tauliah telah tidak mematuhi, melanggar, atau meninggalkan mana-mana syarat yang dinyatakan dalam peraturan 28."

8. Semoga dengan pemberian tauliah mengajar ini, YBhg. Dato'/Dr./Tuan akan dapat menyampaikan ilmu pengetahuan dan dakwah kepada masyarakat serta mematuhi segala peraturan dan ketetapan yang sedang berkuatkuasa di negeri ini.

Perhatian dan kerjasama YBhg. Dato'/Dr./Tuan berhubung perkara ini amatlah dihargai.

Sekian, terima kasih.

**"MALAYSIA MADANI"**
**"CEKAP, AKAUNTABILITI, TELUS"**
**"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"**

Saya yang menjalankan amanah,

**(MOHD HANIF BIN OMAR@WAHAB)**
Ketua Penolong Pengarah Bahagian Dakwah,
b.p: Pengarah,
Jabatan Hal Ehwal Agama Islam Pulau Pinang.
Senarai Edaran:

Senarai Edaran:

1. Dato' Haji Kamarudin bin Abdullah
   1A-25-05 Elite Heights
   Jalan Mayang Pasir 3
   Bayan Baru
   11950 Bayan Lepas
   Pulau Pinang
   **Kategori E-Tauliah Khas**

2. Prof. Madya Dr. Muhammad Khairi bin Mahyuddin
   175, Jalan Desaria 21
   Taman Desaria
   71800 Nilai
   Negeri Sembilan
   **Kategori A-Tauliah Mengajar Agama & Ceramah Umum;**
   **Kategori B-Tauliah Mengajar Fardu Ain;**
   **Kategori C-Tauliah Mengajar Al-Quran & Tajwid; dan**
   **Kategori D-Tauliah Berkhutbah**

3. Dr. Mohammad Nidzam bin Abdul Kadir
   No.72, Jalan Paladium Tiga 7/33C
   Seksyen 7
   40000 Shah Alam
   Selangor
   **Kategori A-Tauliah Mengajar Agama & Ceramah Umum; dan**
   **Kategori B-Tauliah Mengajar Fardu Ain**

4. Ustazah Noraine binti Hamzah
   No.11, Jalan S12
   Taman Semarang Indah
   43600 Dengkil
   Selangor
   **Kategori A-Tauliah Mengajar Agama & Ceramah Umum;**
   **Kategori B-Tauliah Mengajar Fardu Ain; dan**
   **Kategori C-Tauliah Mengajar Al-Quran & Tajwid**

5. Ustaz Ahmad Sirajuddin bin Abdul Satar
   No 14, Lorong 2
   Taman Desa Katong 2
   01000 Kangar
   Perlis
   **Kategori A-Tauliah Mengajar Agama & Ceramah Umum;**
   **Kategori B-Tauliah Mengajar Fardu Ain;**
   **Kategori C-Tauliah Mengajar Al-Quran & Tajwid; dan**
   **Kategori D-Tauliah Berkhutbah**

Senarai Edaran:

| BIL | NAMA PEMOHON | NO. SIJIL TAULIAH | KATEGORI TAULIAH |
|---|---|---|---|
| 1. | Mohammad Nidzam bin Abdul Kadir | PP2450.118.2026 | AB |
| 2. | Noraine binti Hamzah | PP2451.119.2026 | ABC |
| 3. | Ahmad Sirajuddin bin Abdul Satar | PP2452.120.2026 | ABCD |
| 4. | Muhamad Zairi bin Saleh | PP2453.121.2026 | ABCD |
| 5. | Muhammad Khairi bin Mahyuddin | PP2454.122.2026 | ABCD |
| 6. | Mohammad Marzuki bin Hashim | PP2455.123.2026 | B |
| 7. | Syed Muhammad Fathyn bin Syed Shikh | PP2456.124.2026 | BCD |
| 8. | Ahmad Fahmi bin Osman | PP2457.125.2026 | D |
| 9. | Mohd Shaffi bin Yusof Gani | PP2458.126.2026 | D |
| 10. | Kamaruddin bin Abdullah | PP2459.127.2026 | E – Dakwah *Non Muslim* |

**Catatan:**
Pembahagian kategori Tauliah Mengajar Agama Islam Negeri Pulau Pinang yang baharu berdasarkan Enakmen Pentadbiran Agama Islam (Negeri Pulau Pinang) 2004, Peraturan-Peraturan Pentadbiran Aktiviti Yang Berkaitan Dengan Pengajaran Agama Islam (Negeri Pulau Pinang) 2025 yang telah diperkenan oleh Kebawah Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong pada 7 Februari 2025 dan kemudiannya telah dipersetujui dalam Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri Pulau Pinang Bilangan 21/2025 bertarikh 18 Julai 2025 yang telah disahkan pada 30 Julai 2025 bagi tujuan pewartaan adalah seperti berikut:

- Kategori A (Tauliah Mengajar Agama & Ceramah Umum);
- Kategori B (Tauliah Mengajar Fardhu Ain);
- Kategori C (Tauliah Mengajar Al-Quran dan Tajwid);
- Kategori D (Tauliah Berkhutbah); dan
- Kategori E (Tauliah Khas)

Bagi pemegang tauliah kategori D - Semua Kategori (lama) automatik bertukar kepada kategori ABC.

**Rujukan:** Keputusan Mesyuarat Majlis Agama Islam Negeri Pulau Pinang (MAINPP) Bil.9 Tahun 2026 (Kali Ke-283) bertarikh 17 September 2026.

Disediakan oleh: Bahagian Dakwah (Unit Dakwah & Tarbiah),
Jabatan Hal Ehwal Agama Islam Pulau Pinang.
Tarikh kemaskini: 29.9.2026